



KENYATAAN MEDIA

“AKTIVIS OKU DAKWA DIABAIKAN”

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerima memorandum yang diserahkan oleh beberapa aktivis Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendakwa suara mereka tidak diberikan perhatian sebelum ini.

Kementerian ini mempunyai kumpulan sasaran yang merangkumi hampir kesemua populasi yang sebahagiannya turut diwakili oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Perkara-perkara berbangkit berkaitan kumpulan sasaran ini dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam hal ini, perkara-perkara berkaitan OKU dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU (MKBOKU) yang bersidang 2 kali setahun.

Namun demikian, Kementerian sentiasa terbuka dan menyambut baik sebarang cadangan/input daripada mana-mana pihak untuk penambahbaikan demi pemerkasaan OKU di Malaysia. Memorandum yang diserahkan kini sedang diteliti oleh pihak Kementerian.

Pihak YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Timbalan Menteri telah pun mengadakan beberapa sesi perjumpaan dan libat urus bersama NGO-NGO OKU sejak memegang jawatan dalam Kerajaan serta tidak timbul isu pihak Kerajaan mengabaikan OKU. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui JPOKU sentiasa melaksanakan program-program pemerkasaan dan penyampaian perkhidmatan serta maklumat kepada OKU termasuk Disability Equality Training (DET), menggiatkan lagi usaha pendaftaran OKU di peringkat negeri dan daerah, perkhidmatan *Job Coach*, mewujudkan sub-kategori bagi Kad OKU Pembelajaran dan Program *Independent Living*.

Fokus Kementerian buat masa ini adalah untuk memastikan penglibatan sekurang-kurangnya 1% OKU dalam bidang pekerjaan dapat dicapai, satu perkara yang tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

31 Mei 2019